

ASPEK AKHLAK BERDASARKAN KONSEP PEMBANGUNAN INSAN DALAM TRAVELOG *PELUKIS JALANAN* DAN *ARKITEK JALANAN* KARYA TEME ABDULLAH

*(The Moral Aspect based on the Concept of Human Development
in the Travelogues Pelukis Jalan and Arkitek Jalan by Teme
Abdullah)*

Firuz-akhtar Lubis*
firuz@ukm.edu.my

Nurul Farahana Azman
A171887@siswa.ukm.edu.my

Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia

Corresponding author (Pengarang koresponden): *

To cite this article (*Rujukan artikel ini*): Firuz-akhtar Lubis & Nurul Farahana Azman. (2021).Aspek akhlak berdasarkan konsep pembangunan Insan dalam travelog *Pelukis Jalan* dan *Arkitek Jalan* karya Teme Abdullah. *Malay Literature*, 34(2), 281–314. [http://doi.org.10.37052/ml34\(2\)no7](http://doi.org.10.37052/ml34(2)no7)

Received: Peroleh:	11/11/2021	Revised: Semakan	4/12/2021	Accepted: Terima:	6/12/2021	Publish online: Terbit dalam talian:	7/12/2021
-----------------------	------------	---------------------	-----------	----------------------	-----------	---	-----------

Abstrak

Teori Takmilah ialah teori sastera Islam yang tidak asing lagi dalam dunia akademik khususnya dalam bidang kesusasteraan di Malaysia. Teori Takmilah lahir atas kesedaran dalam kalangan sarjana untuk menentengahkan sastera yang bercirikan keislaman kepada khalayak umum. Namun demikian, kebanyakan kajian yang sedia ada menggunakan karya sastera filosofis sebagai bahan utama analisis dan kritikan, manakala karya bergenre moden seperti travelog hanya sebagai karya dalam persuratan. Oleh itu, kajian ini menentengahkan karya moden masa ini melalui catatan kembara di kota London, iaitu *Pelukis Jalan* dan *Arkitek Jalan* sebagai sumber utama untuk penerapan konsep

Teori Takmilah. Seterusnya, kajian ini turut memuatkan latar belakang seorang arkitek dan penulis buku yang terkenal dengan identiti yang misterinya, iaitu Teme Abdullah. Kajian ini memanfaatkan prinsip keenam Teori Takmilah, iaitu Prinsip Pengkarya Mengistimalkan Diri untuk mengaitkan prinsip tersebut dengan konsep pembangunan insan dari aspek akhlak. Melalui kajian ini, dapat dinilai bahawa terdapat satu aspek utama yang boleh dikaitkan dengan pencapaian konsep pembangunan insan oleh seseorang individu mahupun pengkarya, iaitu menerusi aspek pembaikan akhlak yang berterusan bagi mencapai kesempurnaan dalam kehidupan. Terbukti bahawa aspek yang dianalisis ini berhubung kait secara langsung dengan Prinsip Pengkarya Mengistimalkan Diri seperti yang digariskan dalam Teori Takmilah. Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa karya Teme Abdullah yang bersifat kontemporari ini wajar dicirikan sebagai sebuah karya sastera Islam kerana mematuhi nilai-nilai terpuji yang selari dengan prinsip keislaman.

Kata kunci: Teori Takmilah, pembangunan insan, akhlak, Prinsip Pengkarya Mengistimalkan Diri, Teme Abdullah, travelog

Abstract

The Takmilah theory is a theory of Islamic literature that is familiar in the academic sphere, especially in the field of literature in Malaysia. It emerged from an awareness among literary scholars to highlight Islamic literature to the public. However, most existing studies only use philosophical literary works as the main reference for analysis and critique, and highlight modern literary genres, such as the travelogue, as mere literary works. Therefore, this study highlights contemporary literary works in the form of travelogues in London entitled Pelukis Jalanan and Arkitek Jalanan as the main sources to unravel the concept of Takmilah theory as a theory of Islamic literature. Next, this study also incorporates the background of the architect and author who is well known for his mysterious identity, Teme Abdullah. This study utilizes the sixth principle of the Takmilah theory, which is the Principle of Perfecting the Self, in order to relate it to the concept of human development from a moral aspect. Through this study, it can be determined that there is a major aspect that can be associated with achievement in the concept of human development by an individual or a writer, which is the aspect of continuous moral improvement so as to achieve perfection in life. Evidently, this analyzed aspect is directly related to the Principle of Perfecting the Self, as outlined in the Takmilah theory. Therefore, it can

be concluded that the contemporary works of Teme Abdullah should be characterized as works of Islamic literature because they comply with admirable values that are in line with Islamic principles.

Keywords: Takmilah Theory, human development, moral, The Principle of Perfecting the Self, Teme Abdullah, travelogue

PENDAHULUAN

Teori Takmilah merupakan teori yang dibangunkan oleh seorang sarjana tempatan dan bekas pensyarah Jabatan Persuratan Melayu (JPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), iaitu Shafie Abu Bakar. Secara dasarnya, tunjang utama teori ini berasaskan falsafah tauhid untuk menilai teks yang memiliki nilai keislaman. Kemunculan teori ini membuka jalan kepada para sarjana dan pengkritik untuk melakukan penyelidikan, analisis, huraian dan kritikan berasaskan prinsip keislaman. Oleh itu, prinsip yang dibangunkan ini secara tidak langsung boleh menjadi panduan kepada pengkaji dalam usaha menganalisis sesebuah penulisan sama ada mencapai tahap karya sastera Islam yang sempurna atau sebaliknya.

Tujuh prinsip utama yang digariskan dalam Teori Takmilah adalah untuk menghubungkan aspek karya, pengkarya dan khalayak. Antara prinsip tersebut ialah Prinsip Ketuhanan Bersifat Kamal, Prinsip Kerasulan Sebagai Insan Kamil, Prinsip Keislaman Bersifat Akmal, Prinsip Ilmu dengan Sastera yang Bersifat *Takamul*, Prinsip Sastera yang Berciri Estetik dan Bersifat Takmilah, Prinsip Pengkarya Mengistikmalkan Diri dan Prinsip Khalayak ke Arah Insan Kamil. Dalam konteks ini, dua buah karya Teme Abdullah, iaitu *Pelukis Jalanan* dan *Arkitek Jalanan* amat sesuai untuk dicirikan dalam sastera Islam yang sarat dengan unsur keislaman. Bertepatan dengan sebuah penulisan bertajuk *Segenggam Gumam* oleh Helvey Tiana Rosa (2003:8), beliau menjelaskan bahawa ciri-ciri sastera Islam dapat dilihat menerusi kandungan sesebuah karya yang mengetengahkan unsur ajakan kepada kebaikan dan meninggalkan perkara kemungkar (amar makruf nahi mungkar) yang dipenuhi dengan ibrah serta hikmah kepada sekalian manusia. Melalui kajian yang dilakukan terhadap karya Teme Abdullah, dapat dilihat bahawa elemen dakwah yang disampaikan oleh beliau banyak memberikan manfaat dan pengajaran buat khalayak untuk kembali kepada ajaran Islam yang sebenar. Oleh itu, karya utama milik Teme Abdullah ini wajar dicirikan sebagai karya sastera Islam yang mematuhi keseluruhan prinsip dalam Teori Takmilah. Kenyataan ini

disokong oleh Zunaidah (2006:18) melalui tulisannya dalam sebuah akhbar bertajuk “Sastera Islam berasaskan Teori Takmilah” .:

Apabila kesedaran Islam meningkat dan memberi impak kepada perkembangan sastera Malaysia, ia dilihat sebagai fenomena positif. Selaras dengan itu, sastera Islam mula dikaji di Malaysia. Shafie Abu Bakar mengutarakan satu konsep iaitu Teori Pengindahan dan Penyempunaan dalam Rangka Tauhid. Kemudian, beliau menggunakan istilah takmilah dalam Nadwah Sastera Islam Antarabangsa anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada Disember 1993. Beliau membentangkan kertas kerja bertajuk Takmilah: Teori Sastera Islam. (Zunaidah, 2006:18)

Pernyataan di atas dikukuhkan lagi dengan penulisan artikel oleh Amir (2019) bertajuk “Novel Ibnu Ahmad Al-Kurauwi: Manifestasi Hubungan Antara Manusia dan Khalifah Di Bumi Allah”. Beliau menyatakan bahawa masih terdapat banyak lagi ruang untuk para pengkaji melakukan kajian dari segi analisis karya tempatan berdasarkan Teori Takmilah. Kenyataan ini dapat dilihat melalui petikan berikut:

Pengkaji mencadangkan bahawa teori sastera tempatan mahupun bersifat kontemporari wajar dipraktikkan dan diperkembangkan. Hal ini demikian kerana, teori sastera tempatan pada masa kini kurang mendapat tempat dan diketahui oleh generasi muda. Teori yang bercorak Islam perlu dianalisis penggunaannya terhadap sesuatu karya agar aliran sastera dapat disulami dengan panduan Islam yang sebenar. Novel yang berkonsep ilmiah mahupun akademik bukan sahaja terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka malahan syarikat buku terbitan yang lain perlu dipasarkan secara lebih kerap. Meskipun novel popular lebih mendapat tempat dalam kalangan masyarakat dan dicetak secara berulang kali namun fenomena tersebut tidak boleh menjadi punca novel ilmiah dicetak dengan jumlah yang terhad. Penguasaan terhadap teori sastera tempatan akan menjadikan bidang esei kritikan sastera semakin berkembang di Malaysia serta tidak mudah diabaikan kemaslahatannya. (Amir, 2019)

Hal ini demikian kerana bukan setakat karya bergenre sastera sahaja yang boleh dilakukan analisis berdasarkan prinsip Islam, malahan karya bergenre lain terutama penulisan dalam bentuk dakwah juga mampu diangkat dan dikategorikan sebagai sebuah sastera Islam. Penelitian tidak terhad pada karya kreatif seperti cerpen dan novel sahaja, malah genre travelog juga menyumbang kepada usaha pendidikan dan pembentukan akhlak.

SOROTAN LITERATUR

Dalam usaha meneliti konsep Teori Takmilah yang telah dibangunkan oleh sarjana tempatan, iaitu Shafie Abu Bakar, banyak kajian yang dilakukan menggunakan Teori Takmilah sebagai indikator untuk mencirikan sesebuah karya sastra Islam. Dalam akhbar “Teori Takmilah ke arah kelahiran karya sastra” yang ditulis oleh Nazmi (2005:5), beliau mengulas perkataan takmilah berasal daripada kamal yang mengesahkan hakikat Allah yang maha sempurna di samping maksudnya dapat disimpulkan sebagai perkara yang melengkapkan dan menyempurnakan sesuatu. Teori ini berfungsi sebagai asas untuk menghasilkan karya yang lebih sempurna dan dijadikan sebagai dasar untuk mengkritik karya sastra Islam. Begitu juga dalam kajian Abdul Halim Ali (2019:33) dengan judulnya “Malay literary theory in literary criticism”, yang mendapati teori ini dianggap satu-satunya teori sastra Islam di Malaysia yang mengutamakan analisis dan kritikan secara langsung terhadap konsep tauhid. Para sarjana dan pengkritik boleh melakukan analisis dalam kajian yang dilakukan dengan menjadikan prinsip Islam dalam Teori Takmilah sebagai tunjang utama kritikan sesebuah karya.

Muhammad Nur Al-Hakim dan Mohd Firdaus (2020:51) dalam kajiannya yang berjudul *Nilai-nilai Islam dan pembentukan akhlak dalam cerita rakyat Melayu*, menyatakan bahawa Prinsip Pengkarya Mengistikmalkan Diri merupakan asas kepada pengkarya bagi melengkapkan diri dengan ilmu keislaman dan ilmu yang berhubung dengan sastra. Perkara ini juga dinyatakan oleh Kamariah (2016:244) dalam *Revolusi Yang Ditangguhkan karya Shahnnon Ahmad berdasarkan perspektif takmilah*, yakni melalui prinsip ini, pengkarya seharusnya menyempurnakan diri dengan berusaha membentuk keimanan dan ketakwaan dalam dirinya agar dapat menghasilkan karya yang terbaik untuk khalayak.

Konsep pembangunan insan tidak kurang juga menjadi perhatian pengkaji terdahulu memandangkan tema ini banyak dijadikan contoh untuk meneliti prinsip-prinsip yang diketengahkan dalam Teori Takmilah. Berdasarkan artikel berjudul “Pembangunan modal insan melalui konsep *Tazkiyah al-Nafs*” hasil penulisan Siti Nur Aafifah (2020:23), usaha berterusan sepanjang hayat dalam memupuk dan mengembangkan potensi yang wujud dalam diri manusia merupakan maksud yang hendak disampaikan mengenai pembangunan modal insan. Tambahan pula, sifat manusia yang sering lupa itulah tindakan utama yang perlu dibuat untuk menyedarkan, mengingatkan, dan membangunkan mereka daripada kealpaannya (Kamarul Azmi, 2016).

Di samping itu, penulisan Nor Sahida dan Sanep (2013:361) menerusi artikelnya “Pembangunan menurut perspektif Islam: Satu analisis awalan dan artikel berjudul “Puisi Endoi sebagai instrumen dakwah untuk pembangunan insan” karya Noor Sarah (2018:267) telah menghuraikan dengan lebih terperinci tentang faktor pendorong kepada pembentukan akhlak, iaitu asas kepada pembangunan sesebuah masyarakat dan negara. Dalam hal ini, iman dan takwa dapat membentuk sifat taat dan melahirkan amalan baik dalam diri manusia seterusnya mereka yang berjaya mengimplementasikan kedua-dua elemen ini dalam dirinya akan membawa kepada sahsiah yang baik dan berkualiti. Dalam konteks ini, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa kepentingan spiritual yang merangkumi akhlak baik harus diberikan perhatian oleh setiap individu Muslim bagi mewujudkan kesejahteraan insan dan masyarakatnya (Faridah & Tengku Sarina Aini, 2006:294).

Secara kesimpulannya, berdasarkan kajian lepas, dapat disimpulkan bahawa konsep pembangunan insan. Antara salah satu aspek dan kaedah yang boleh dilaksanakan oleh seseorang pengkarya bagi mencapai pembangunan insan melalui peningkatan iman dan takwa dalam diri setiap individu.

PERNYATAAN MASALAH

Karya Teme Abdullah dalam travelognya banyak menampilkan elemen dakwah Islam yang dapat memberikan manfaat dan pengajaran kepada khalayak. Oleh itu, karya Teme Abdullah ini wajar dicirikan sebagai karya sastera Islam yang mematuhi prinsip-prinsip dalam Teori Takmilah. Hal ini dikukuhkan dengan kenyataan berkaitan dengan pengkaryaan dan teori ini oleh Kamariah (2016:234-235) seperti yang berikut:

Perkembangan persuratan Melayu memperlihatkan kemunculan karya baharu saban tahun di pasaran. Kecenderungan ini bukan sahaja melibatkan karya kreatif, bahkan juga karya ilmiah dan semi ilmiah. Fenomena ini menarik perhatian pengkaji sastera kerana dalam konteks ilmiah, peri pentingnya kritikan dilakukan terhadap karya yang muncul untuk diperhatikan sejauh mana perkembangannya memberikan impak terhadap masyarakat.

... Teori takmilah yang dibangunkan pada tahun 1992 ini bukan sekadar menjadikan tauhid sebagai asas perbincangan utama bahkan memperlihatkan kesatuan yang padu antara karya–pengkarya–khalayak dalam menggariskan konsep *habl min Allah* (hubungan manusia dengan Allah) dan *habl min al-Nas* (hubungan manusia dengan manusia). (Kamariah, 2016:234-235)

Pernyataan di atas ditegaskan lagi oleh Amir (2019) melalui penulisan artikel bertajuk “Novel Ibnu Ahmad Al-Kurauwi: Manifestasi hubungan antara manusia dan khalifah di bumi Allah”. Beliau menyatakan bahawa masih terdapat banyak ruang untuk para pengkaji melakukan kajian dari segi analisis karya tempatan berdasarkan Teori Takmilah. Kenyataan ini dapat dilihat melalui petikan berikut:

Teori yang bercorak Islam perlu dianalisis penggunaannya terhadap sesuatu karya agar aliran sastera dapat disulami dengan panduan Islam yang sebenar.

Penguasaan terhadap teori sastera tempatan akan menjadikan bidang esei kritikan sastera semakin berkembang di Malaysia serta tidak mudah diabaikan kemaslahatannya. (Amir, 2019)

Di sinilah kelompongan dan penambahan yang boleh diisi oleh penulisan terkini terhadap konsep pembangunan insan. Dengan menumpukan konsep pembangunan insan berteraskan aspek akhlak, pengkaji cuba membahaskan kategori tersebut melalui proses analisis peristiwa dalam teks travelog Teme Abdullah di Kota London. Teori ini berperanan sebagai asas untuk menghasilkan karya lebih sempurna dan digunakan sebagai sandaran untuk membuat kritikan karya sastera Islam. Hal ini demikian kerana bukan hanya setakat karya bergenre sastera sahaja yang boleh dilakukan analisis berdasarkan prinsip Islam, malahan karya bergenre lain seperti travelog atau penulisan dalam bentuk dakwah juga mampu diangkat dan dikategorikan sebagai sebuah sastera Islam. Tambahan pula, genre travelog, iaitu penulisan, filem dan sebagainya yang menceritakan pengalaman dan perjalanan atau pengembaraan seseorang (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2020:2404) berupaya menjadi sebuah naratif yang kreatif dan menarik jika diselitkan dengan unsur pengajaran di dalamnya (Lisda, 2014:24).


Teori ini berperanan sebagai asas untuk menghasilkan karya lebih sempurna dan digunakan sebagai sandaran untuk penghasilan kritikan karya sastera Islam. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis hubungan kaitnya dengan prinsip keenam dalam Teori Takmilah, iaitu Prinsip Pengkarya Mengistikmalkan Diri dengan konsep pembangunan insan dalam travelog *Pelukis Jalanan* dan *Arkitek Jalanan* karya Teme Abdullah menerusi aspek akhlak .

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini secara keseluruhannya berbentuk kajian kepustakaan melalui pendekatan kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis kandungan dengan memanfaatkan Teori Takmilah. Teori Takmilah menghubungkan aspek karya, pengkarya dan khalayak dengan tujuh prinsip utama, iaitu:

- (1) Prinsip Ketuhanan Bersifat Kamal
- (2) Prinsip Kerasulan sebagai Insan Kamil
- (3) Prinsip Keislaman Bersifat Akmal
- (4) Prinsip Ilmu dengan Sastera yang bersifat *Takamul*
- (5) Prinsip Sastera yang Berciri Estetik dan Bersifat Takmilah
- (6) Prinsip Pengkarya Mengistikmalkan Diri
- (7) Prinsip Khalayak ke Arah Insan Kamil.

Dalam kajian ini tumpuan penelitian adalah pada prinsip keenam Teori Takmilah, iaitu Prinsip Pengkarya Mengistikmalkan Diri yang mengungkapkan konsep hubungan manusia dengan Allah dan juga hubungan manusia dengan manusia akan dikupas dalam analisis dan perbincangan. Prinsip Pengkarya Mengistikmalkan Diri digunakan dalam analisis petikan karya Teme Abdullah dan seterusnya mengaitkan prinsip tersebut dengan



Rajah 1 Kerangka konseptual kajian.

(Sumber: Shafie Abu Bakar, 1997 & Rozak, 2017)

konsep pembangunan insan melalui aspek akhlak. Catatan kembara Teme Abdullah di kota London, iaitu *Pelukis Jalanan* dan *Arkitek Jalanan* akan dianalisis dan dihuraikan secara deskriptif. Kerangka kajian adalah seperti dalam Rajah 1.

LATAR BELAKANG TEME ABDULLAH DAN KARYANYA

Teme Abdullah dilahirkan dan dibesarkan di negeri Selangor. Teme juga menyebut bahawa beliau pernah bersekolah di sekolah berasrama penuh (SBP) yang terletak di Selangor. Perkataan “Teme” merupakan nama samaran yang diberikan oleh rakan-rakannya ketika belajar di sekolah menengah sebagai nama penanya sehingga ke hari ini. Abdullah yang bermaksud “hamba Allah” pula telah ditambah sejak beliau pertama kali menerbitkan buku *Pelukis Jalanan* pada tahun 2016. Sebutan “Teme” yang sering kali menimbulkan kekeliruan para pembaca telah diterangkan oleh beliau melalui penulisan bukunya, iaitu “Teme” disebut sebagai perkataan “teman” dalam loghat masyarakat Kelantan, yang bermaksud “saya” dan apabila digabungkan secara keseluruhannya, Teme Abdullah membawa maksud “saya hanyalah hamba Allah” (Teme Abdullah, 2020).

Teme terinspirasi untuk menulis sebuah buku berkaitan dengan pengalaman kembaranya sebagai seorang musafir serta penuntut ilmu yang diuji dengan kesempitan wang dan menempuh kesusahan ketika masih bergelar mahasiswa di kota London. Karya sulung Teme Abdullah berjaya diterbitkan ketika beliau masih dalam pengajian pada tahun 2016 yang berjudul *Pelukis Jalanan*. Beliau banyak menceritakan pengalaman berkaitan dengan liku-liku kehidupan yang dilaluinya demi mencari pendapatan dan akhirnya menceburkan diri sebagai pelukis jalanan untuk membiayai kos pengajiannya di London. Karya keduanya bertajuk *Arkitek Jalanan* pula telah berjaya diterbitkan pada tahun berikutnya sebagai sambungan kepada karya yang pertama. Teme memuatkan pelbagai mesej dakwah dan nilai keislaman dalam penulisannya agar karya yang dihasilkan dapat diambil pengajaran serta memberikan manfaat kepada masyarakat.

Sejak tahun 2016 sehinggalah tahun 2021, Teme Abdullah berjaya menerbitkan lapan buah buku secara keseluruhannya. Karya yang lain telah ditulis dan diterbitkan setelah beliau menamatkan pengajian pada peringkat ijazah, iaitu *Impian Jalanan* (2018), *Signature Jalanan* (2019), *Empayar: Hikayat Putera Tanpa Nama* (2018), *Empayar 2: Hikayat Mukjizat Daripada Iblis* (2019), *Selamat Tinggal Purnama: Strain Pertama* (2020) dan *Selamat*

Tinggal Purnama: Strain Kedua (2020). Penulisannya berjaya memenangi anugerah antaranya termasuklah, Johan Anugerah Pilihan Pembaca Popular-BH 2017, Anugerah Emas Kulit Buku Cantik 2018, Winner MPH Best Of 2018 & 2019, Anugerah Buku Negara 2019 (Teme Abdullah, 2020).

Secara umumnya, kedua-dua karya Teme Abdullah, iaitu *Pelukis Jalanan* dan *Arkitek Jalanan* merupakan genre bukan fiksi yang berbentuk travelog. Dalam hal ini, seperti yang diterangkan oleh Lisda (2014) dalam tesisnya bertajuk *Travelog Melayu: Suatu Pengembaraan Intelektual dan Spiritual*, travelog juga memainkan peranan penting untuk memperkenalkan masyarakat kepada suatu tempat yang asing. Travelog merupakan dokumen penting untuk memberikan maklumat tentang budaya masyarakat setempat yang dikunjungi penulisnya. Travelog Melayu juga mempunyai sumbangannya yang tersendiri dalam usaha menganalisis falsafah hidup masyarakat Melayu seperti yang disumbangkan oleh genre sastera yang lain.

ANALISIS KONSEP PEMBANGUNAN INSAN BERDASARKAN ASPEK AKHLAK

Akhlak merupakan komponen yang amat dititikberatkan dalam agama Islam. Akhlak dari sudut bahasa dalam kajian Zaharah *et al.* (2015:74) dengan judulnya *Pembangunan Akhlak dan Moral ke Arah Masyarakat Lestari* diambil daripada perkataan *al-Khuluq* yang membawa maksud beragama, tabiat atau perangai. Akhlak yang baik dapat dikelaskan sebagai perbuatan yang elok dan terpuji sekiranya terbitnya daripada perilaku seseorang. Namun begitu, akhlak yang keji pula dikategorikan sebagai perilaku yang sebaliknya (Ab. Halim, 2007).

Tanpa akhlak yang baik, manusia tidak mampu untuk mencapai tahap kesempurnaan insan dalam diri masing-masing. Oleh itu, pembinaan serta pembaikan akhlak adalah amatlah penting dalam diri setiap individu supaya jati diri sebagai seorang insan dapat dibangunkan selari dengan akhlak yang dianjurkan dalam Islam.

Kepentingan berakhlak mulia ini berdasarkan akhlak Nabi Muhammad SAW yang terpuji seperti firman Allah dalam *Surah al-Ahzab* ayat 21 yang bermaksud:

“Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan

(keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta dia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)”.

Dapat disimpulkan bahawa aspek akhlak mempunyai perkaitan secara langsung dengan Prinsip Pengkarya Mengistikmalkan diri seperti yang digariskan dalam Teori Takmilah. Antara salah satu kaedah yang boleh dilaksanakan oleh seseorang pengkarya bagi mencapai pembangunan insan adalah melalui proses pembaikan akhlak bagi membentuk sahsiah yang mulia. Hubungan antara ketiga-tiga komponen ini telah ditunjukkan menerusi Rajah 1 di atas.

Berdasarkan Rajah 1, individu yang ingin melengkapkan diri dengan sahsiah yang terpuji perlulah sentiasa berusaha membangunkan diri mereka dengan menerapkan akhlak yang baik yang dianjurkan oleh Islam. Dalam kajian ini, akhlak yang baik mengikut Prinsip Pengkarya Mengistikmalkan diri termasuklah konsep syukur, tawakal, sabar, sikap merendah diri, sikap tekad dan muhasabah diri. Enam konsep ini telah dipilih sebagai komponen utama untuk penganalisan karya Teme Abdullah, iaitu *Pelukis Jalanan* dan *Arkitek Jalanan*.

Aspek pembaikan akhlak sangat berkait rapat dengan konsep pembangunan insan. Akhlak menjadi tuntutan utama bagi melahirkan insan yang bersahsiah tinggi. Sebelum mencapai kesempurnaan sahsiah, seorang individu itu perlulah menjalani latihan ataupun proses mujahadah untuk menerapkan akhlak yang terpuji dalam diri mereka. Menurut al-Ghazali (1988:1046-1047) dalam kitabnya yang bertajuk *Ihya' 'Ulum al-Din*, usaha membawa diri kepada perbuatan yang dikehendaki oleh akhlak mulia merupakan maksud di sebalik perkataan mujahadah. Dalam sebuah artikel dengan tajuknya “penghayatan agama sebagai asas pembangunan pelajar: Analisis terhadap beberapa pandangan al-Imam al-Ghazali” oleh Zulkiple & Nor Salimah (2006:15) yang menambah bahawa latihan bagi mencapai akhlak yang mulia ini bertujuan untuk membiasakan diri seseorang insan mengamalkan perbuatan yang baik seterusnya menghadirkan rasa nikmat dengan amalan yang dilaziminya.

Konsep Syukur

Konsep syukur merupakan antara salah satu perbuatan manusia yang termasuk dalam akhlak yang mulia. Dalam artikel “Syukur dalam Psikologi Islam dan Konstruksi Alat Ukurnya” karya Ahmad (2016:42), beliau menyimpulkan bahawa syukur ialah pengekspresian manusia terhadap

nikmat Allah dalam bentuk perbuatan yang baik seperti reda dengan nikmat yang telah dikurniakan. Hakikatnya, konsep syukur sememangnya banyak memberikan impak yang positif dalam diri seorang insan jika amalan ini dijadikan kebiasaan dalam kehidupan seharian. Bahkan jika seseorang itu sentiasa tidak lupa untuk memanjatkan rasa syukur, maka Allah akan menambahkan nikmatnya dari semasa ke semasa. Firman Allah SWT dalam *Surah Ibrahim* ayat 7, yang bermaksud:

... dan (ingatlah) ketika Tuhanmu memaklumkan ‘Sesungguhnya jika kamu bersyukur, niscaya aku akan menambah (nikmat) kepadamu, tetapi jika kamu mengingkari (nikmat-Ku), Maka pasti azab-Ku sangat berat’.

Konsep syukur dalam kehidupan boleh dibahagikan kepada pelbagai cabang. Walau bagaimanapun dalam analisis ini diketengahkan dua pengaplikasian rasa syukur, iaitu syukur dengan hati dan syukur dengan lisan.

(a) Syukur dengan Hati

Pengaplikasian rasa syukur dengan hati, menurut al-Kharraz seperti yang dinukilkan oleh Amir An-Najjar (2001:251-252) memerihalkan syukur dengan hati itu adalah melalui pengetahuan dan keyakinan bahawa nikmat yang dikurniakan itu semuanya berasal daripada Allah SWT dan bukan selain daripada-Nya. Antara surah yang menceritakan tentang rasa syukur dengan hati termasuklah, *Surah al-Baqarah* ayat 152 yang bermaksud: “Maka ingatlah kepada-Ku, Aku pun akan ingat kepadamu. Bersyukurlah kepada-Ku, dan janganlah kamu ingkar kepadaKu.” Selain itu, dalam *Surah an-Nahl* ayat 53 Allah berfirman, “Segala nikmat yang ada pada diri kalian (datangnya) dari Allah.”

Berdasarkan firman Allah di atas, dapat disimpulkan bahawa tugas manusia sebagai hamba adalah untuk mengakui di dalam hati bahawa walaupun nikmat seharian yang diperoleh itu didapati daripada orang sekeliling, namun hakikatnya kita perlu meyakini bahawa semua itu hanyalah perantara untuk manusia mendapatkan nikmat daripada Allah SWT.

Amalan bersyukur dengan hati seperti yang telah dipraktikkan oleh Teme dalam sebarang keadaan secara tidak langsung telah menguatkan jati dirinya sebagai seorang insan. Terdapat pelbagai pelaksanaan konsep syukur dengan hati yang diterapkan dalam kehidupan seharian seperti yang ditunjukkan oleh Teme sebagai penuntut di kota London. Perkara tersebut dipetik dalam *Pelukis Jalanan* dan *Arkitek Jalanan* seperti yang berikut:

Alhamdulillah, waktu siang pada musim sejuk yang singkat memudahkannya untuk berpuasa. Dia bersyukur kerana Allah masih berikannya peluang untuk berikhtiar. (Teme Abdullah, 2016:135)

Jika diperhatikan melalui petikan di atas, Teme tidak lupa untuk menghadirkan rasa syukur kepada Allah walaupun sedang diuji dengan masalah kesempitan wang dan ujian kelaparan. Dalam keadaan itu Teme masih diberikan nikmat oleh Allah untuk terus berikhtiar dengan cara berpuasa. Dalam konteks ini, Teme telah menampilkan perbuatan syukurnya dengan hatinya. Bersyukur dengan hati dapat diekspresikan melalui rasa syukur dengan kecintaan kepada Allah disebabkan nikmat yang diperoleh itu datangnya daripada Allah SWT (Ahmad, 2016:44). Di samping itu, ujian yang ditimpa oleh Teme dari segi kesempitan wang dan kelaparan juga boleh dikaitkan dengan ciri-ciri sufi di bawah aspek kemiskinan. Menurut Firuz-akhtar (2019:72-73) dalam artikel bertajuk “Sufism and Travel Literature: Soul Captivity in Hājj Sayyāh’s Knowledge-Seeking Journey in Safarnāmah-i Hājj Sayyāh bih Farang”, dapat difahami bahawa seorang sufi itu tidak akan meminta-minta kepada orang lain apabila mengalami ujian kelaparan. Bahkan golongan ini akan meletakkan sepenuh kepercayaan kepada Allah di samping tidak lupa untuk berusaha mengatasi rasa kelaparan tersebut dengan berjual beli atau melakukan apa-apa sahaja perkara untuk mendapatkan secebis makanan halal secara halal. Perkara ini menjelaskan bahawa seorang sufi itu amat menitikberatkan elemen kesejahteraan rohani dalam menjalani kehidupan seharian sebagai seorang manusia dan hamba Allah di muka bumi (Badrul Munir, 2021:89). Melalui perkara ini, dapat disimpulkan bahawa situasi yang dilalui Teme boleh dikaitkan dengan keadaan ahli sufi yang berusaha sedaya upaya melakukan kerja sampingan demi mendapatkan wang untuk menyara makan dan minumannya di negara orang.

Menyedari hakikat mereka bermusafir ke sini sebagai penuntut ilmu dan bukan untuk bermewah-mewah, mereka bersyukur dengan apa yang ada. (Teme Abdullah, 2017:24)

Tambahan pula, amalan kesyukuran dengan hati juga dapat dilihat melalui sikap Teme yang tidak mudah lupa diri, malah sentiasa mengingatkan diri bahawa tanggungjawabnya di kota London bukanlah untuk hidup bermewah-mewah di negara orang. Dia menyedari hakikat sebenar kedatangannya di sana semata-mata sebagai musafir untuk menuntut ilmu dan menerima segala ketentuan Allah dengan hati yang lapang.

“Kalau artis yang aku lukis tu merupakan ikon yang lagha (perkara keduniaan yang tidak berfaedah), aku telah mempromosikan laghanya secara tidak sedar. Dengan erti kata lain, aku sokong dia buat benda tak baik. Dah kira aku bersubahat dalam perkara sia-sia. Tak mengajak ke arah akhirat. Lagi teruk kalau artis tu tak menutup aurat dan aku sebarkan auratnya dengan lukisan aku sendiri, berlipat kali ganda dosa. Tak nak aku.”

“Tapi ada kemungkinan dengan ‘lukisan je pun’ kita boleh ke neraka.”

“Allah yang bagi aku tangan dan mata ni. Takkan aku nak gunakan untuk khianati kurniaan Dia balik.” (Teme Abdullah, 2016:175-176)

Apabila seseorang insan berjaya memupuk rasa syukurnya di dalam hati, maka lebih mudah untuk mereka menepis segala perbuatan kufur nikmat yang mungkin menjerat dirinya dalam situasi tertentu. Seperti yang terdapat dalam kajian Amaliyah (2018:67) berjudul *Konsep Kufur Nikmat Dalam Perspektif Al-Qur'an (Studi Komparatif Tafsir Fi Dzilalil Qur'an Karya Sayyid Quthub dan Tafsir An-Nur Karya Teungku Muhammad Hasbi Ash Shiddiqy)*, beliau cuba mengungkapkan pendapat Imam Al-Ghazali tentang maksud kufur nikmat. Kufur nikmat merupakan bentuk kenikmatan yang diberikan oleh Allah tetapi tidak diredai-Nya. Kenyataan ini bertentangan dengan tindakan Teme yang menolak untuk melukis potret manusia yang tidak menutup aurat dengan sempurna. Bagi Teme, simbol bagi perbuatan kufur nikmat adalah apabila mengkhianati kurniaan Allah dengan melakukan perbuatan yang tidak diredai dan dibenci-Nya (Wizārah al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah al-Kuwait, 1427H). Sebagai contoh, Teme tidak mahu bersubahat melakukan perkara mungkar dengan menggunakan nikmat tangan yang dikurniakan Allah untuk menyebarkan aurat seseorang melalui lukisan untuk diperlihatkan kepada orang ramai. Jelaslah, kesedaran Teme tentang perkara ini telah menyelamatkannya dari terjerumus kepada perbuatan kufur nikmat. Di samping itu, ia juga menunjukkan bahawa Teme sentiasa berusaha menjadi seorang hamba sekali gus seorang pengkarya yang ingin menyempurnakan dirinya dengan sifat kebaikan.

(b) Syukur dengan Lisan

Syukur dengan lisan dapat difahami sebagai perbuatan seseorang mengucapkan lafaz secara lisan “alhamdulillah” sebagai tanda memuji kepada Allah SWT (Amir An-Najjar, 2001). Firman Allah SWT dalam *Surah al-Isra* ayat 111 dan *Surah an-Naml* ayat 93 yang bermaksud: “Katakanlah: Alhamdulillah (segala puji bagi Allah).”

Ayat di atas menunjukkan bahawa Allah SWT memerintahkan setiap hamba-Nya memperbanyak lafaz *hamdallah* sebagai tanda kita menzahirkan nikmat yang dirasakan kepada orang lain melalui ucapan lisan.

Selain bersyukur dengan hati, Teme juga tidak ketinggalan menunjukkan contoh bersyukur dengan lisan melalui karyanya, iaitu *Arkitek Jalanan*. Hal ini dapat dilihat menerusi petikan yang berikut:

Hadza min fadhli Rabbi... Ini ialah limpah kurnia Tuhanku, untuk menguji adakah aku bersyukur atau aku tidak mengenangkan nikmat pemberian-Nya. (*Surah AnNaml*: 40)
(Teme Abdullah, 2017:304)

Berdasarkan petikan di atas, dapat dilihat bahawa syukur dengan lisan bukan sekadar diukur melalui ucapan *alhamdulillah* sahaja, bahkan mencakupi pelbagai lafaz lain yang menunjukkan kepada rasa berterima kasih kepada Allah. Menurut Ramadhani (2017:23) dalam skripsinya berjudul *Konsep Syukur Pada Pekerja Tunanetra Pasca Kecelakaan (Studi Fenomenologi Anggota Itmi Di Daerah Istimewa Yogyakarta)*, bersyukur dengan lisan dapat difahami sebagai penyanjungan dan pujian atas nikmat Allah dengan penuh kecintaan serta menyebut-nyebut nikmat tersebut tanpa diiringi perasaan riak, menunjuk-nunjuk ataupun rasa sombong. Lafaz ucapan Teme, iaitu *haza min fadhli Rabbi* yang bermaksud “ini ialah limpah kurnia Tuhanku”, pengungkapan lafaz tersebut merakamkan rasa syukurnya terhadap Allah SWT, Tuhan Yang Maha Berkuasa memberikan nikmat serta berkehendak untuk menguji tahap kesyukuran hamba-Nya di dunia ini. Melalui sekecil-kecil amalan yang diterapkan oleh Teme dalam dirinya ini. Perlakuan ini membuktikan bahawa Teme sentiasa ingin mengubah dirinya ke arah yang lebih baik, iaitu selari dengan tuntutan Prinsip Pengkarya Mengistikmalkan Diri.

Konsep Tawakal

Maksud tawakal dalam konteks perspektif Islam dapat difahami sebagai penyerahan diri kepada ketentuan dan keputusan Allah, di samping tetap melaksanakan semua perintahnya dalam setiap keadaan. Di samping itu, tawakal juga perlu disertakan dengan usaha bagi memutuskan kebergantungan hati terhadap perkara selain daripada Allah SWT (At-Tuwaijiri, 2014:130). Definisi ini dikukuhkan dengan ayat al-Quran daripada *Surah Yusuf* ayat 67 yang bermaksud:

“Ya’qub berkata, “Hai anak-anakku, janganlah kamu (bersama-sama) masuk dari satu pintu gerbang, dan masuklah dari pintu-pintu gerbang yang berlain-lain. Meskipun demikian, Aku tiada dapat melepaskan kamu barang sedikit pun dari pada (takdir) Allah. Keputusan menetapkan (sesuatu) hanyalah hak Allah: kepada-Nya lah Aku bertawakal dan hendaklah kepada-Nya saja orang-orang yang bertawakal, berserah diri.”

Menerusi surah ini, Nabi Ya’qub yang bergelar rasul dan nabi juga tidak terkecuali berserah diri kepada Allah dalam keadaan yang tidak dapat dikawal olehnya. Perkara sedemikian jelas menunjukkan rasa tawakalnya kepada Allah kerana beliau tidak mampu menentukan setiap takdir manusia kecuali Allah SWT sahaja yang mampu melakukannya.

Tawakal bertentangan dengan sifat sombong seperti yang dikategorikan sebagai akhlak mazmumah, iaitu akhlak yang tercela. Sikap tawakal termasuk dalam jenis akhlak yang terpuji (Nurul Izzah Che Zaidi & Razaleigh Muhamat, 2020:24). Arifka (2017:13) seperti dalam skripsinya, iaitu *Konsep Tawakal Dalam Perspektif M. Quraish Shihab (Kajian Tafsir Tarbawi)* mengistilahkan tawakal sebagai penyerahan diri secara bulat dan utuh kepada Tuhan semesta alam, iaitu Allah SWT setelah berusaha. Konsep tawakal ini telah dikategorikan kepada dua perkara di bawah konsep tawakal kepada Allah, iaitu tawakal kepada Allah dalam urusan duniawi dan tawakal kepada Allah daripada melakukan perbuatan haram (Rusandi & Liza, 2017:185-186).

(a) Tawakal kepada Allah dalam Urusan Duniawi

Sikap tawakal melalui kebergantungan pada Allah seperti yang telah ditunjukkan oleh Teme secara tidak langsung telah membawa perubahan positif kepada dirinya. Hal ini demikian kerana Teme semakin menyedari bahawa mengharapkan pertolongan Allah serta meyakini bahawa Dia merupakan Tuhan Yang Maha Berkuasa menolong hamba-hambanya dalam kesusahan merupakan suatu perkara yang amat penting. Perihal tersebut ditunjukkan dalam rangkap petikan di bawah:

Betapa selama ini dia kurang kebergantungan pada Allah. Dia terlalu bimbang yang dunia akan hilang daripada genggamannya. Dia terlalu risaukan markah keputusan pengajiannya. Dia terlalu takutkan wang tidak cukup dalam kehidupan sehariannya. Terlampau takutkan makhluk-makhluk mengatasi takwa yang mutlak kepada Sang Pencipta. Mungkin

kerana itulah dia seperti buntu tanpa jalan keluar. Tertipu dalam kesempitan dunia yang hanya sementara. Dia baru sedar yang tawakalnya bukan sepenuhnya pada Allah. (Teme Abdullah, 2016:148)

Jika dikupas dengan teliti, sikap tawakal ataupun kebergantungan pada Allah itu merupakan suatu kemestian yang perlu diterapkan dalam diri setiap insan bagi menjalani kehidupan sebagai hamba di muka bumi-Nya. Teme semakin menyedari bahawa kesemua perasaannya yang terlalu takutkan dunia sedikit demi sedikit semakin menjauhkan dirinya daripada Tuhan Yang Maha Berkuasa. Kerisauan dan perasaan takut yang melanda Teme ini boleh dikaitkan dengan serangan pemikiran ataupun *ghazwu al-fikr* yang dibawa masuk oleh golongan Barat dalam pemikiran masyarakat Islam (Anwar al-Jundi, 1993:11-12).

Antara salah satu agenda dan serangan Barat adalah melalui ideologi sekularisme. Misalnya dalam artikel “Serangan Ideologi Barat terhadap Pemikiran Umat Islam dan Implikasinya kepada Iman” oleh Mohd Aizam (2012:103-104), beliau mengulas tindakan mengasingkan urusan keagamaan atau ketuhanan daripada bercampur dengan urusan keduniaan seperti pentadbiran, ekonomi, politik dan sebagainya merupakan istilah bagi fahaman sekularisme. Secara ringkasnya, fahaman ini memperlihatkan pemikiran untuk membebaskan diri daripada cengkaman atau peraturan agama dalam kehidupan. Oleh itu, dapat dilihat dengan jelas bahawa Teme berjaya menanamkan sikap tawakal dalam dirinya dengan bergantung pada Allah seterusnya terselamat daripada cengkaman sekularisme. Dengan menolak serta menangkis fahaman tersebut, kepercayaan Teme terhadap kekuasaan Allah yang mampu menolong hamba-hamba-Nya yang dilanda kesusahan di muka bumi ini semakin bertambah dari semasa ke semasa. Menerusi kepercayaan yang utuh terhadap Allah SWT, hal ini membuktikan bahawa Teme telah berjaya menggarap nilai-nilai kesempurnaan seperti yang terkandung dalam Prinsip Pengkarya Mengistikmalkan Diri.

(b) Tawakal kepada Allah daripada Melakukan Perbuatan Haram

Bagi konteks tawakal kepada Allah daripada perbuatan haram pula, Teme memperlihatkan konsep tawakal ini dengan meluahkan rasa takutnya untuk menjadi seorang yang kaya. Barangkali timbul perasaan sedemikian dalam diri Teme kerana kebiasaannya manusia mudah lupa dan berasa sombong dengan limpahan nikmat kurniaan Tuhan. Perihal tersebut diluahkan oleh Teme menerusi contoh petikan di bawah:

“Doakan aku kaya dengan ilmu dan pengalaman pun cukup, Mad. Aku takut nak jadi kaya. Aku takut kebergantungan aku pada Allah semakin hilang dengan bertambahnya kekayaan dunia aku. Jiwa aku kecil. Tak kuat. Aku tak mampu.” (Teme Abdullah, 2017:314)

Perasaan takut yang diekspresikan oleh Teme untuk menjadi kaya dengan harta berkemungkinan disebabkan dia mahu mengelakkan diri daripada bersikap sombong dan bangga diri. Seperti yang dijelaskan oleh Nur Ely Sholihati (2009) dalam skripsinya yang bertajuk *Sombong dan Penyembuhannya dalam Al-Qur'an (Perspektif Bimbingan dan Konseling Islam)*, perasaan sombong ditakrifkan sebagai keperibadian dan sifat yang gemar memuji, mengagungkan, membesarkan serta memandang diri sendiri sebagai makhluk yang paling tinggi mengatasi segala-galanya. Jika sifat sombong ini dibiarkan merebak dalam diri seseorang individu, maka secara tidak langsung sifat ini boleh mengikis rasa kebergantungan seorang makhluk kepada Allah terutama ketika ditimpa ujian keduniaan. Oleh sebab itu, Teme lebih memilih untuk menjadi seorang yang kaya dengan ilmu pengetahuan kerana al-Quran dan al-Sunah itu sendiri yang menyarankan agar Muslimin berusaha menerapkan diri dengan ilmu yang pelbagai (Hasyim, 2013:127). Tambahan pula, Allah telah menyebut dalam *Surah al-Mujadilah* ayat 11 yang menyatakan bahawa orang-orang yang alim atau berilmu pengetahuan itu akan diletakkan dalam golongan mereka yang berdarjat tinggi. Berdasarkan azam Teme yang ingin menjadi seorang yang kaya dengan ilmu, secara tidak langsung sifat-sifat kesempurnaan dalam Teori Takmilah menerusi Prinsip Pengkarya Mengistimakan Diri akan mula bercambah dan berterusan mekar dalam dirinya.

Konsep Sabar

Sabar merupakan salah satu sifat yang termasuk dalam akhlak terpuji di samping sifat ini tergolong dalam aspek Islam yang perlu diberikan penekanan. Hakikatnya, konsep sabar amat penting untuk dititikberatkan dalam diri setiap individu kerana sifat ini mempengaruhi hubungan sesama makhluk di dunia ini. Pengertian sabar ialah menahan diri atau membatasi jiwa daripada sebarang keinginan demi mencapai sesuatu yang lebih baik dalam kehidupan (Sukino, 2018:66). Penerapan konsep sabar dalam diri Teme telah memberikan impak positif dalam dirinya di samping sifat ini mampu menjana pembangunan insan secara keseluruhannya. Firman Allah dalam *Surah Maryam* ayat 65, tentang perihal sabar, yang bermaksud:

Tuhan yang mencipta dan mentadbirkan langit dan bumi serta segala yang ada di antara keduanya, oleh itu, sembahlah Dia (Allah) dan bersabarlah dengan tekun dan tetap dalam beribadah kepada-Nya.

Melalui karya *Pelukis Jalanan*, penulis menyerlahkan sifat sabar seperti petikan berikut:

Tetapi, dia memilih untuk bersabar dan tidak terburu-buru buat masa ini, kerana waktunya belum sesuai. Dia gusar pendapatnya mengenai agama terganggu akibat tidak mengenali Orange dengan mendalam dan niat dakwah itu tidak terlaksana. (Teme Abdullah, 2016:116)

Teme mengambil keputusan untuk tidak bertindak terburu-buru dan bersabar sebelum menjalankan dakwahnya kepada Orange, iaitu seorang rakan pengajiannya yang berasal dari Israel serta berbangsa Yahudi. Dengan menerapkan sifat sabar dalam kehidupan, Teme mampu mengawal dirinya daripada bertindak melulu dan berfikir terlebih dahulu sebelum melakukan sesuatu. Teme berasa risau jika dia tidak memahami Orange secara lebih mendalam, kemungkinan dakwah yang ingin disampaikannya akan gagal dan tidak berhasil. Dalam kajian Nur Farhana *et al.* (2020:170) dalam artikel berjudul “Memahami Agama Lain Asas Toleransi Beragama: Tujuan dan Syarat dari Perspektif Pemimpin Agama di Malaysia”, mendapati bahawa tujuan memahami agama lain adalah untuk mengetahui sensitiviti agama tersebut supaya dapat memupuk keharmonian hidup bersama-sama sebagai sebuah masyarakat. Jelaslah pemikiran Teme yang mendahului tindakan terburu-buru menyelamatkan dirinya daripada berlaku salah faham sesama individu yang berbeza fahaman agama.

Pendiriannya mudah, “Aku percaya, kalau aku jaga urusan dengan Allah, Allah akan jaga urusan aku di dunia.” (Teme Abdullah, 2016:178)

Di samping itu, pendirian Teme yang sentiasa ingin menjaga urusannya dengan Tuhan yang maha Esa, iaitu Allah SWT, telah memandu dirinya agar tidak melakukan perkara yang boleh menyalahi akhlak mulia. Contoh perbuatan yang dapat dikategorikan sebagai akhlak yang buruk ialah perbuatan yang berpotensi berkembang menjadi unsur yang dominan, iaitu berasaskan unsur syahwat, marah, dan kesyaitanan (Nik Azis, 2012). Roshara’madan (2015:17) turut menambah dalam tesisnya berjudul Pemahaman Murid Tahun Lima Tentang Akhlak, kecenderungan manusia kepada maksiat, kejahatan,

ketidaktaatan, dan kezaliman adalah disebabkan oleh sifat semula jadinya yang pelupa dan lalai. Teme yakin bahawa jika dia berusaha melaksanakan segala tuntutan Allah dengan menjauhkan diri serta membaiki akhlak secara berterusan, Allah pasti akan memudahkan segala urusannya di dunia ini. Tambahan pula, melalui pembaikan akhlak secara berterusan juga, sudah pastinya Teme dapat mencapai tahap kesempurnaan diri selari dengan Prinsip Pengkarya Mengistimakan Diri.

Konsep Merendah Diri

Menurut Rozak (2017:177) dalam artikelnya bertajuk “Indikator Tawadhu dalam Keseharian”, tawaduk dalam konteks Islam bermaksud perilaku manusia yang berwatak rendah hati, tidak bersikap sombong dan angkuh serta sentiasa merendahkan diri bagi mengelakkan sifat-sifat mazmumah (tercela) yang pastinya tercipta sebagai ahli neraka. Perkara ini bertentangan dengan firman Allah dalam *Surah al-Qasas* ayat 83 yang menampilkan ciri ahli syurga ialah dia bersikap merendah diri dan menjauhi sikap takbur, seperti maksud ayat:

“Itulah negeri akhirat yang Kami sediakan bagi orang yang tidak berkeinginan untuk menyombong diri di atas muka bumi dan menyebarkan kerosakan.”

Secara tidak langsung, definisi tawaduk yang membawa maksud merendah diri ini dapat dikaitkan dengan keperibadian Teme yang juga menampilkan sikap rendah diri. Dia mengakui bahawa dirinya hanyalah seorang hamba yang lemah dan banyak berbuat dosa di muka bumi Allah. Melalui pengakuan tersebut, Teme memaparkan akhlak terpuji seperti yang telah disyariatkan dalam Islam, yang seterusnya membina sahsiah diri ke arah yang lebih berkualiti. Bukti yang menunjukkan sikap rendah diri ini dapat dihayati melalui perbualan Teme seperti yang berikut:

Aku ni hamba Allah yang lemah, banyak buat dosa, banyak kekurangan. Aku bukanlah bagus pun. Aku tak layak nak gunakan nama Islamik sebagai tajuk buku, terutamanya buku pertama aku. Benda ni mungkin nampak kecil, tapi benda-benda kecil yang aku buat nilah usaha aku untuk elakkan diri daripada menggunakan agama untuk kepentingan diri. (Teme Abdullah, 2017:83)

Dengan mengakui dirinya sebagai hamba yang banyak kekurangan, Teme berasa bahawa dia tidak layak untuk menggunakan nama agama bagi menerbitkan karya pertamanya. Perkara sedemikian cuba dielakkan oleh Teme semampu yang boleh kerana penggunaan nama Islam sebagai jenama untuk kepentingan peribadi tidak mempunyai hukum yang tepat dari segi pelaksanaannya. Namun demikian, menerusi penulisan Rahimin Affandi Abd. Rahim *et al.* (2010:3) dalam artikel “Konsep Fiqah Malaysia dalam Perundangan Islam: Satu Pengenalan”, perbuatan yang jelas ditolak kerana menggunakan nama Islam adalah seperti pengharaman buku Kassim Ahmad, *Hadis: Satu penilaian semula* yang tersembunyi di sebaliknya penerbitannya ada agenda perjuangan menolak hadis dan mempersoalkan kelemahan sistem fiqah Islam silam. Oleh itu, Teme mengambil keputusan untuk mengelakkan diri daripada melakukan perkara syubhah ataupun ragu-ragu. Sikap ini dianggap sebagai akhlak terpuji, iaitu melawan kecenderungan semula jadi dengan mengawal diri daripada mengikut hawa nafsu (Mohd Nasir & Nur Izzatul Afifah, 2010:4). Tambahan pula, dengan sentiasa menerapkan muhasabah diri yang termasuk dalam akhlak terpuji, Teme Abdullah telah berjaya mencapai prinsip yang digariskan dalam Teori Takmilah, iaitu Prinsip Pengkarya Mengistikmalkan Diri.

Muhasabah Diri

Menurut Imam al-Ghazali (2017), muhasabah membawa makna sebagai melihat semula perbuatan-perbuatan masa lalu dan cuba untuk membaikinya pada masa yang akan datang. Perkara ini turut dibuktikan dengan ayat al-Quran menerusi firman Allah dalam *Surah al-Hasyr* ayat 18, yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah (dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya), dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa Yang ia telah sediakan (dari amal-amalnya) untuk hari esok (hari Akhirat). dan (sekali lagi diingatkan), bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah amat meliputi pengetahuannya akan segala yang kamu kerjakan.”

Dapat diperhatikan bahawa muhasabah diri merupakan elemen terpenting bagi membaiki akhlak seseorang insan secara berterusan dalam diri masing-masing, seterusnya membentuk Mukmin sejati. Tanpa muhasabah dan kesedaran diri, manusia lebih mudah untuk lupa diri dan tenggelam dalam

permainan dunia yang penuh dengan penipuan. Dalam konteks kehidupan pada masa kini, Teme berkemungkinan boleh terperangkap dengan pengaruh buruk yang hadir di sekelilingnya, sama ada daripada media ataupun masyarakat. Melalui usaha muhasabah diri yang sering diterapkan oleh Teme dalam kehidupannya, Teme telah berjaya menghindarkan diri daripada terjebak dengan perbuatan yang menyalahi akhlak terpuji. Usaha Teme ini digambarkan secara langsung menerusi petikan di bawah:

Dia tidak akan menerima tempahan untuk melukis potret walaupun dia gemar melukis wajah manusia. Ini adalah langkah selamat untuk sedaya upaya mengeluarkan dirinya daripada khilaf ulama tentang hukum melukis objek bernyawa. Dia akan berusaha mengelak mengambil keuntungan daripada menghasilkan lukisan yang seakan-akan 'hidup' bagi makhluk bernyawa. (Teme Abdullah, 2016:161)

Dalam konteks penggunaan bakat melukis, Teme bertekad untuk tidak menggunakan kelebihan yang dikurniakan Allah ini dengan melukis potret makhluk bernyawa. Hal ini kerana masih terdapat khilaf daripada para ulama berkaitan dengan hukum sebenar dari segi pelukisan wajah manusia. Dalam akhbar dan buletin Edisi Majlis Agama Islam Selangor, terdapat sebuah artikel khas yang membicarakan mengenai "Hukum Lukisan Manusia" yang ditulis oleh Hasal (2019:6). Penulis banyak memuatkan hadis-hadis Nabi SAW dalam usaha mengendalikannya hukum asal bagi permasalahan ini. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

"Sesiapa yang melukis atau mengukir gambar sesungguhnya Allah akan mengazabnya sehingga (jika disuruh) meniupkan ruh ke dalam gambar tersebut dia tidak mampu berbuat demikian selama-lamanya!"

Hadis di atas menunjukkan larangan Rasulullah SAW ke atas pembuatan gambar objek bernyawa yang dikhuatiri boleh menjejaskan akidah seseorang. Hal ini demikian kerana umat terdahulu mengukir patung berhala yang menyerupai makhluk untuk dijadikan sebagai objek sembah. Seperti yang berlaku kepada umat kristian yang melakar gambar Nabi Isa dan para hawariyyun untuk aktiviti penyembahan, secara tidak langsung perkara ini juga dapat dikiaskan kepada lukisan-lukisan yang dilakar berdasarkan makhluk yang bernyawa (Hasal, 2019:6).

Tambahan pula, Teme juga menolak untuk menjual lukisan potret manusia bagi mendapatkan hasil keuntungan seperti yang banyak dilakukan oleh

pelukis lain. Barangkali penolakan Teme untuk berbuat sedemikian adalah kerana dia tidak mahu memperoleh keuntungan yang haram, hasil daripada perbuatan yang jelas diharamkan oleh Rasulullah SAW sendiri. Selari dengan pernyataan Muhamad Zuhaili dan Ahmad Dahlan (2017:35) dalam artikel berjudul “Risiko Terhadap Keuntungan dalam Instrumen Transaksi Masa Kini Menurut Fiqh Muamalat”, keuntungan daripada sumber perniagaan yang haram adalah dilarang dalam Islam. Oleh itu, tindakan Teme yang mengelakkan diri daripada terjerumus ke arah perkara khilaf menunjukkannya seorang yang berhati-hati dalam tindakannya. Sikap ini merupakan akhlak yang baik untu diteladani oleh umat Islam dalam kehidupan mereka.

Aku tak nak jadi tin kosong yang bising. Sembang ‘pum pang pum pang’ tapi tak ada ilmu. Aku tak nak jadi pendakwah yang jual air liur saja.
(Teme Abdullah, 2017:66)

Aspek muhasabah diri yang diperlihatkan oleh Teme juga dapat difahami melalui monolognya, iaitu dia tidak mahu menjadi seorang yang banyak melontarkan kata-kata yang tidak bermanfaat tanpa landasan ilmu pengetahuan yang sebenar. Maksud muhasabah dalam situasi ini dapat difahami sebagai mengingati dan memperbaiki semula amalan yang telah dilakukan sepanjang kehidupan di dunia sebelum dihitung oleh Allah di akhirat kelak (Ainul Mardziah, 2018:86). Bagi Teme, ilmu merupakan komponen terpenting untuk mendidik masyarakat. Oleh itu, dia perlu sentiasa memperbaiki diri dengan ilmu yang pelbagai supaya dakwah yang disampaikan kepada khalayak dapat mendatangkan kesan bermanfaat kepada mereka.

Di samping itu, hasrat Teme untuk sentiasa membina dan memperbaiki akhlaknya dapat dilihat menerusi kata-katanya yang berbaaur keazaman dan tekad yang bersungguh-sungguh. Penulis menukilkan kesungguhan tersebut seperti petikan di bawah:

“Sebab aku rasa itu kelebihan yang Allah bagi kat aku.. Aku nak jadi seniman yang menggerakkan.” (Teme Abdullah, 2017:303)

Perkara yang dimaksudkan Teme dengan kelebihan yang diberikan Allah kepadanya ialah bakat melukis. Di samping berjaya memperoleh sarjana dalam bidang arkitek, Teme juga bercita-cita untuk menjadi seorang seniman, iaitu pelukis yang dapat memberikan manfaat kepada masyarakat sekeliling. Barangkali contoh manfaat yang boleh disebarkan adalah melalui penulisan disertasinya yang membawa konsep Islam dalam

bidang seni bina. Islam merupakan agama yang syumul dan lengkap dalam segenap aspek kehidupan manusia. Dengan demikian, ajaran Islam sentiasa sesuai sepanjang masa serta selari dengan perkembangan zaman dan ilmu pengetahuan (Muslim, 2009:49). Oleh itu, keputusan Teme untuk mengaitkan ilmu seni bina dengan Islam amat wajar untuk dilaksanakan supaya syiar Islam dapat tersebar dengan lebih meluas dalam kalangan masyarakat bukan Islam di kota London.

Dia tetap akan berusaha memastikan disertasi ini berjaya menceritakan serba sedikit keindahan Islam yang sebenar. Allah menghantarnya belajar jauh di perantauan. Allah memberinya peluang untuk berkecimpung dalam dunia akademik setelah hampir berhenti dahulu. Kini, tiba masa untuk Teme melaksanakan tanggungjawabnya pula.
(Teme Abdullah, 2017:213)

Petikan di atas menunjukkan bahawa Teme juga berasa bahawa hal ini merupakan tanggungjawabnya untuk menyebarkan Islam kerana tujuan manusia diciptakan adalah sebagai khalifah di muka bumi. Seperti yang terkandung dalam penulisan artikel oleh Rahmat (2016:170) berjudul “Manusia sebagai Khalifah dalam Perspektif Islam”, pengaturan Allah dengan menjadikan manusia sebagai khalifah di atas muka bumi ini adalah semata-mata untuk memberikan keselamatan dunia dan akhirat di samping beribadah kepada Allah merupakan matlamat utama manusia itu diciptakan. Rasa tanggungjawab sebagai khalifah yang digalas oleh Teme selari untuk dikaitkan dengan Prinsip Pengkarya Mengistikmalkan, iaitu diri pengkarya itu perlu sentiasa mengingatkan diri daripada terjerumus kepada sikap yang bertentangan dengan sikap seorang khalifah.

Usaha Penyebaran Akhlak Mulia

Usaha bagi menyebarkan perkara kebaikan adalah selari dengan perlakuan dan akhlak terpuji yang dituntut dalam Islam. Malahan dalam budaya masyarakat Melayu sendiri, konsep “air tangan ibu” itu termasuk sebagai akhlak mulia kerana ia menonjolkan kesungguhan dan ketulusan hati seorang wanita yang bergelar ibu untuk menyediakan hidangan dan masakan buat si anak yang ditatang dengan penuh kasih-sayang (Kamariah & Pabiyah, 2021:103). Seperti juga yang dikatakan Kamarul Azmi *et al.* (2017:12) dalam artikel “Peranan Islam dalam Membentuk Peribadi Remaja Cemerlang”, beliau mengulas pendapat al-Adawi yang mengatakan sifat akhlak mulia yang

mesti dimiliki oleh setiap individu amatlah dituntut dalam kehidupan. Akhlak yang mulia memberikan kesan yang baik kepada orang lain. Dalam situasi ini, Teme mengetengahkan usaha menerapkan kebaikan kepada khalayak melalui beberapa petikan dalam *Pelukis Jalanan* dan *Arkitek Jalanan*.

“Aku nak basmi trend mengeksploitasi agama. Kalau aku cagak saja tak ada guna. Aku kena tunjuk contoh. Aku kena mulakan dulu. Biarlah buku aku tak laku pun. Biarlah orang nampak buku aku tu tak Islamik seakan-akan melawan arus pun. Asalkan Allah tahu. Asalkan pembaca dapat manfaatnya. Kerana jika ia bermanfaat, itulah dakwah Islam. (Teme Abdullah, 2017:88)

Berdasarkan petikan di atas, dapat diperhatikan bahawa Teme mempunyai tekad yang kuat untuk membasmi pengeksploitasian agama yang semakin menular dalam kalangan masyarakat Islam pada masa kini. Eksploitasi ataupun pemerdagangan agama mencakupi pelbagai aspek yang boleh difahami, dan salah satunya pengeksploitasian dari sudut politik. Perkara ini dapat difahami sebagai munculnya penggunaan nama agama sebagai alat untuk kepentingan politik itu sendiri (Muhammad, 2007:189-191). Begitu juga dalam situasi Teme, dia tidak mahu menggunakan nama agama dalam penamaan tajuk karyanya kerana tindakan tersebut juga dikira sebagai pengeksploitasian agama. Tindakan Teme ini membuktikan dia bukanlah sekadar bercakap kosong, malah dia menunjukkan teladan yang baik buat masyarakat dengan melakukan perkara yang telah ditekadkannya.

Walaupun nama bukunya tidak Islamik, namun isi kandungannya sarat dengan elemen Islam yang boleh diambil pengajaran oleh khalayak. Secara tidak langsung, penulisan buku oleh Teme yang penuh dengan nilai keislaman ini termasuk dalam kategori dakwah dengan penulisan. Tambahan pula, dakwah dengan penulisan juga dapat dikaitkan dengan konsep komunikasi secara bukan lisan yang mendorong penulis untuk bertukar atau berkongsi pandangan mereka tentang sesuatu perkara (Nadiatul Shakinah, 2021:43). Arnez (2009:45) dalam penulisan artikelnya, “Dakwah by the Pen” ada menjelaskan bahawa penulisan novel Islam yang bergenre sastera mahupun fiksyen merupakan sebuah medium bagi penulis masa kini untuk menyebarkan dakwah Islam kepada pembacanya. Yang menarik dalam kajian jurnal bertajuk “Elemen dalam Buku Indie: Satu Kajian Grounded Theory Terhadap Mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris” oleh Muhammad Atiullah *et al.* (2018:40), pengkaji turut menambah buku-buku indie berbentuk Islamik dan bergenre dakwah yang amat popular pada masa

kini didapati banyak menerapkan unsur pengajaran yang boleh membawa pembaca kembali kepada ajaran Islam yang sebenar.

Kalau aku *start* gunakan dakwah untuk sara hidup aku dalam keadaan aku tak berilmu, akan sampai satu masa, aku tak ada modal dah untuk sampaikan seterusnya. Semuanya kerana aku tak ada kemahiran lain selain daripada mengeksploitasi agama. Akhirnya, aku bukan bantu agama, tetapi menunggang agama. (Teme Abdullah, 2017:66)

Berdasarkan petikan di atas, Teme memberikan contoh mengikut keadaannya jika dia menggunakan nama agama semata-mata tanpa mempunyai ilmu pengetahuan yang cukup. Semestinyalah dakwah yang ingin disampaikan itu terbatas dan tidak sampai ke hati para pembaca. Baginya, menyebarkan sesuatu dakwah tanpa ilmu yang mencukupi itu dianggap oleh Teme sebagai menunggang agama. Misalnya dalam akhbar bertajuk *Jangan guna agama untuk raih untung* yang ditulis oleh Azrinaz (2018), beliau mengistilahkan takrifan umum bagi penunggang agama ialah individu yang mempergunakan agama bagi menghalalkan tindak-tanduk yang dilakukan di samping menjadikannya sebagai alat untuk mencapai hasrat tertentu.

Seharusnya ilmu dengan akhlak itu berjalan seiring kerana kedua-dua komponen ini saling menyempurnakan antara satu sama lain. Penyataan ini dikukuhkan lagi dengan penulisan artikel “Pemikiran Melayu tentang Ilmu dan Adab dalam Puisi Melayu Tradisional” karya Zurakintan dan Che Ibrahim (2015:123) yang menyatakan bahawa orang yang berilmu serta mempunyai akhlak yang terpuji semakin disanjung tinggi oleh dunia dan masyarakat hari ini. Oleh yang demikian, seseorang itu perlulah mengimbangi dirinya dengan sifat-sifat terpuji dan ilmu pengetahuan agar benar-benar menjadi insan yang kamil. Teme berpendapat bahawa jika dia terpengaruh dengan trend yang semakin menular ini, dia juga akan tergolong dalam kalangan mereka yang tidak membantu agama. Oleh itu, karya Teme, iaitu *Pelukis Jalanan* dan *Arkitek Jalanan* membuktikan kedua-dua buah karya ini banyak memberikan manfaat buat para pembaca seterusnya tergolong dalam kerja dakwah yang dituntut dalam Islam.

Selain itu, Teme juga tidak lupa untuk berakhlak mulia dengan cara menyebarkan sifat-sifat terpuji berkenaan kepada masyarakat sekeliling. Perkara sedemikian dapat diambil iktibar melalui petikan berikut:

“Ya. Aku perlu sebarkan semangat pada orang lain juga. Aku takkan berhenti berusaha mengubah perkara yang salah. Kalau aku ada rezeki lebih suatu hari nanti, aku nak tolong biaya pelajar-pelajar di Malaysia untuk sambung belajar. Aku tak nak ada orang putus harapan dalam menuntut ilmu macam aku suatu ketika dahulu”. (Teme Abdullah, 2017:316)

Petikan di atas jelas menampilkan azam Teme untuk menyebarkan semangat menuntut ilmu kepada pelajar lain supaya semangat cintakan ilmu itu tidak pudar dalam diri anak-anak muda generasi kini. Tambahan pula, Teme juga berniat untuk membiayai pengajian pelajar di Malaysia pada masa akan datang yang berkemungkinan mempunyai minat untuk menyambung pelajaran tetapi tidak mampu disebabkan oleh masalah kewangan. Bertepatan dengan kajian Mohamad Johdi *et al.* (2009:12), iaitu *Kajian Terhadap Kesedaran Pendidikan di Kalangan Masyarakat Orang Asli*, masalah kewangan merupakan antara salah satu faktor utama yang menghalang ibu bapa orang asli untuk membiayai pendidikan anak-anak mereka ke peringkat yang lebih tinggi. Dengan demikian, mereka terpaksa membatalkan niat untuk melanjutkan pelajaran demi membantu ibu bapa mencari wang bagi kelangsungan hidup. Niat murni Teme yang ingin membela nasib golongan yang tidak bernasib baik ini amat wajar dicontohi oleh setiap orang khususnya mereka yang tergolong dalam golongan yang berkemampuan.

“Aku nak kewujudan aku menyumbang. Kehilangan aku tidak menghalang. Kalau orang puji aku, dia puji Teme Abdullah. Bukan diri aku yang sebenar, yang banyak kelemahan.” (Teme Abdullah, 2017:316-317)

Berdasarkan azamnya ini juga, dia mahu menyumbangkan sesuatu sebagai simbol kewujudannya di dunia ini tanpa mengharapkan sebarang pujian daripada masyarakat. Disebabkan Teme hanya menggunakan nama pena dan bukan dikenali dengan nama sebenar, dia beranggapan pujian-pujian yang mungkin diterima bukanlah ditujukan untuknya, sebaliknya untuk insan yang digelar Teme Abdullah yang bermaksud “saya hanyalah hamba Allah”. Pengakuan Teme terhadap kelemahan dirinya yang sebenar memperlihatkan sikap Teme yang cuba membaiki akhlakunya daripada penyakit hati seperti riak, ujub dan takbur. Zulfikar (2018:143) dalam artikelnya berjudul “Interpretasi Makna Riya dalam al-Quran: Studi Kritis

Perilaku Riya dalam Kehidupan Sehari-Hari” turut menambah, salah satu sifat orang munafik ialah sifat riak yang termasuk dalam perilaku *syirik ashghar* (kecil) yang seterusnya membawa kepada *syirik akhbar* (besar). Dapat disimpulkan bahawa Teme membuat keputusan yang betul dengan tidak menjadikan pujian-pujian berkenaan sebagai asbab untuk meninggi diri bagi mengelakkan dirinya terjatuh ke lembah syirik, iaitu menduakan Allah SWT. Oleh yang demikian, wajarlah tindakan Teme ini dikaitkan dengan Prinsip Pengkarya Mengistikmalkan Diri dalam Teori Takmilah yang sememangnya menuntut seseorang pengkarya agar sentiasa menyempurnakan diri dengan sifat-sifat yang mulia.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, melalui kajian ini kita dapat melihat hubung kait antara salah satu prinsip dalam Teori Takmilah, iaitu Prinsip Pengkarya Mengistikmalkan Diri dengan konsep pembangunan insan seperti yang diterapkan dalam karya Teme Abdullah. Terdapat pelbagai kaedah ataupun aspek yang boleh diikuti oleh setiap individu bagi mencapai proses pembangunan insan dan antara salah satunya adalah menerusi aspek pembaikan akhlak. Pembinaan serta pembaikan akhlak dalam diri setiap individu merupakan tunjang utama bagi membentuk peribadi yang mulia. Tidak dapat dinafikan bahawa aspek akhlak memainkan peranan yang amat besar khususnya untuk mencapai pembangunan insan yang dituntut dalam Islam. Hal ini dapat dibuktikan melalui hasil karya Teme Abdullah yang berciri kontemporari dan wajar dikategorikan sebagai sebuah karya sastra Islam. Tambahan pula, karya tersebut memenuhi prinsip keislaman khususnya dalam usaha mengangkat akhlak terpuji bagi membina sahsiah seorang insan.

Setiap individu mempunyai peranan masing-masing dengan terlebih dahulu menyemai nilai-nilai terpuji dalam jiwa sebagai benteng bagi menolak anasir yang sentiasa bersedia untuk menjatuhkan kesucian agama Islam. Setiap manusia juga bertanggungjawab untuk menyebarkan akhlak mahmudah (terpuji) dengan menunjukkan contoh yang terbaik untuk diteladani oleh masyarakat. Apabila akhlak terpuji ini berjaya diterapkan dalam diri setiap individu, maka akan terbinalah sebuah masyarakat yang boleh menggalas tanggungjawab sebagai khalifah untuk memakmurkan bumi. Tambahan pula, kajian ini juga sedikit sebanyak dapat memberikan manfaat kepada masyarakat terutama dalam usaha membentuk jati diri

dan insan yang sempurna. Seterusnya, melalui pembangunan insan yang sempurna, karya yang terhasil juga akan menjadi sempurna selari dengan prinsip-prinsip Islam yang dibangunkan.

Tidak dapat disangkal lagi bahawa terdapat pelbagai kajian yang telah dilakukan oleh para pengkaji berkaitan dengan Teori Takmilah sebagai komponen utama penganalisan dan kritikan sastera. Namun begitu, masih terdapat penambahan yang boleh diisi oleh penulisan kini dalam bidang kajian sastera Islam terutama dengan menggunakan karya bergenre moden masa kini sebagai sumber utama kajian. Dalam konteks ini, pelbagai isu semasa yang hangat dibahas seperti isu masalah kesihatan mental yang juga disebut oleh Teme Abdullah dalam karyanya bertajuk *Selamat Tinggal Purnama: Strain Pertama* dan *Selamat Tinggal Purnama: Strain Kedua* boleh dijadikan sebagai skop utama kajian. Kajian yang mendalam dirasakan perlu untuk merungkaikan punca masalah yang berlaku ini dan seterusnya cuba mengaitkannya dengan prinsip yang bersesuaian dalam Teori Takmilah. Oleh itu, diharapkan agar kajian yang dilaksanakan ini dapat membuka lembaran baharu dalam bidang pengkajian sastera Islam terutama dalam mengetengahkan lebih banyak karya sastera berbentuk kontemporari sebagai instrumen utama kajian.

RUJUKAN

- Abdul Halim Ali. (2019). Malay literary theory in literary criticism. *Proceedings SEMIRATA 2019, International Seminar & Annual Meeting, Field of language, literature, arts and culture 2019*, hlm. 29-39.
- Ab. Halim Tamuri. (2007). Islamic education teachers' perceptions of the teaching of akhlaq in Malaysian Secondary Schools. *Journal of Moral Educations*, 36, 371-386.
- Ahmad Rusdi. (2016). Syukur dalam psikologi islam dan konstruksi alat ukurnya dalam *Jurnal Ilmiah Penelitian Psikologi: Kajian Empiris & Non-Empiris*, 2(2), 37-54.
- Ainul Mardziah Binti Zulkiffi. (2018). *Konsep Muhasabah Diri Menurut Imam Al-Ghazali (Studi Deskriptif Analisis Kitab Ihya' Ulumiddin)*. Skripsi Sarjana dalam Ilmu Dakwah, Jurusan Bimbingan dan Konseling Islam, Fakultas Dakwah dan Komunikasi, Universitas Islam Negeri Ar-Raniry, Banda Aceh.
- Al-Qur'an al-Karim. (2010). *Al-Qur'an dan Terjemahan*. Khazanah Rabbani Publisher.
- Amaliyah, A. (2018). *Konsep Kufur Nikmat dalam Perspektif al-Qur'an (Studi*

- Komparatif Tafsir Fi Dzilalil Qur'an Karya Sayyid Quthub dan Tafsir An-Nur Karya Teungku Muhammad Hasbi Ash Shiddiqy*). Skripsi Sarjana Agama Islam, Jurusan Ilmu Al-Qur'an dan Tafsir, Fakultas Ushuludin dan Adab, Universitas Islam Negeri "Sultan Maulana Hasanudin" Banten.
- Aminudin Basir @ Ahmad & Jamsari Alias. (2012). Etika keserjanaan Muslim menurut akhlak Islam. *Jurnal Hadhari*, 4(2), 45-64.
- Amir An-najjar. (2001). *Ilmu jiwa dalam tasawwuf studi komparatif dengan ilmu jiwa kontemporer*. Diterjemah oleh Hasan Abrori. Pustaka Azzam.
- Amir Zakiy Bin Hamzah Che Abdullah Bin Che Ya. (2019). Novel Ibnu Ahmad al-Kurauwi: Manifestasi hubungan antara manusia dan khalifah di bumi Allah. *Jurnal Wacana Sarjana*, 3(1), 1-14.
- Anwar al-Jundi. (1993). *Pembaratan di Dunia Islam*. PT Remaja Rosdakarya.
- Arifka. (2017). *Konsep Tawakal Dalam Perspektif M. Quraish Shihab (Kajian Tafsir Tarbawi)*. Skripsi Sarjana Dalam Ilmu Pendidikan Islam, Fakultas Tarbiyah dan Keguruan (FTK), Universitas Islam Negeri Ar-Raniry Darussalam Banda Aceh.
- At-Tuwaijiri, M.I.A. (2014). *Ensiklopedia manajemen hati: Fikih ibadah*. Darus Sunnah.
- Azrinaz Mazhar Hakim. (2018). Jangan guna agama untuk raih untung. *Berita Harian*, 1 April.
- Badrul Munir Chair. (2021). Sufism in the poems of Ahmad Kamal Abdullah. *Malay Literature*, 34(1), 89–102. [http://doi.org.10.37052/ml34\(1\)no5](http://doi.org.10.37052/ml34(1)no5).
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2020). *Kamus Dewan perdana*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Faridah Che Husain & Tengku Sarina Aini Tengku Kasim. (2006). Pendekatan psikologi dalam pendidikan akhlak muslim sebagai pemangkin pembangunan insan dan tamadun. *Jurnal Pengajian Melayu*, 17, 290-306.
- Firuz-akhtar Lubis. (2019). Sufism and travel literature: Soul captivity in Ḥājj Sayyāḥ's knowledge-seeking journey in Safarnāmah-i Ḥājj Sayyāḥ bih Farang. *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities*, 26(Supp.1), 63–87.
- al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. (1988). *Ihya' c'Ulum al-Din. Jil. 1-4*. Diterjemah oleh Prof. TK. H. Ismail Yakub. MA-SH. Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Hasal Bin Senin. (2019). "Hukum Lukisan Manusia". *Edisi Majlis Agama Islam Selangor*, Bil. 3.
- Hasyim, B. (2013). Islam dan ilmu pengetahuan (Pengaruh temuan sains terhadap perubahan Islam). *Jurnal Dakwah Tabligh*, 14(1), 127-139.
- Imam Al-Ghazali. (2017). *Taman Kebenaran: Sebuah Destinasi Spiritual Mencari Jati Diri Menemukan Tuhan (Raudhatut Thaalibiin wa Ūmdatus Saalikiin)*. Jakarta: Tuross Pustaka.

- Kamariah Kamarudin. (2016). *Revolusi yang ditangguhkan* karya Shahnnon Ahmad berdasarkan perspektif takmilah. *Malay Literature*, 29(2):233-249.
- Kamariah Kamarudin & Pabiyah Hajimaming@Toklubok. (2021). “Air Tangan Ibu” dalam Budaya Makanan Melayu menurut Perspektif Islam Berdasarkan Cerpen Melayu Pilihan dalam *Malay Literature*, 34(1),103–116. [http://doi.org.10.37052/ml34\(1\)no6](http://doi.org.10.37052/ml34(1)no6).
- Kamarul Azmi Jasmi. (2016). Pembangunan akhlak. Dlm. Kamarul Azmi Jasmi (pnyt.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam* (Edisi Pertama), hlm. 99-100. Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia & Persatuan Cendekiawan Pendidikan Islam [Malaysia] (AIES).
- Kamarul Azmi Jasmi, Siti Fauziyani Md. Saleh @ Masrom & Siti Suraini Razali. (2017). Peranan Islam dalam membentuk peribadi remaja cemerlang. In *Remaja Hebat Siri 2: Akhlak Sebagai Dasar Pembangunan Remaja Muslim*, hlm. 1-18.
- Lisda Mohd Amin @ Lisda Bte Abdullah. (2014). *Travelog Melayu: Suatu pengembaraan intelektual dan spiritual*. Tesis Sarjana, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Kebangsaan Singapura.
- Malek Bennabi. (1985). *Syurut al-Nahdah*. Diterjemah oleh ‘Abd as-Sobur Syahin. Dar al-Fikr.
- Mohamad Johdi Salleh, Norul Khairiah Idris, Nur Awanis Abd Aziz, Nurul Huda Yusuf & Siti Aisyah Hashim. (2009). Kajian terhadap kesedaran pendidikan di kalangan masyarakat orang asli. *Persidangan Kebangsaan Pendidikan Luar Bandar 2009*, 3–5 Februari 2009, Hotel Beverly, Kota Kinabalu, Sabah. Anjuran: Sekolah Pembangunan dan Pendidikan Sosial, UMS Sabah.
- Mohd Aizam Bin Mas’od. (2012). Serangan ideologi Barat terhadap pemikiran umat Islam dan implikasinya kepada iman. *Jurnal Penyelidikan Islam*, 25.
- Mohd Nasir Bin Ripin & Nur Izzatul Afifah Binti Che Ab Rahim. (2010). Metode pembinaan akhlak menurut Ibn Hazm. In *Kitab Al-Akhlaq Wa As-Siyar*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Monika, A. (2009). Dakwah by the pen. *Indonesia & the Malay World*, 37(107),45-64.
- Muhamad Zuhaili Saiman & Ahmad Dahlan Salleh. (2017). Risiko Terhadap Keuntungan Dalam Instrumen Transaksi Masa Kini Menurut Fiqh Muamalat. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 2(1).
- Muhammad Atiullah Othman, Nadarajan Thambu & Siti Noranizahhafizah Boyman. (2018). Elemen dalam buku Indie: satu kajian grounded theory terhadap mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris. *International Journal of Islamic Thought*, 14.
- Muhammad Azhar. (2007). Relasi agama dan negara dalam perspektif Mohammed Arkoun. *Jurnal Kajian Islam Interdisipliner*, 6(1).

- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2020). Nilai-nilai Islam dan pembentukan akhlak dalam cerita rakyat Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, 10(2), 48-56.
- Muslim Djuned. (2009). Amar ma'ruf nahi munkar menurut perpektif al-Qur'an. *Jurnal Ilmiah Al-Mua'shirah*, 6(1),49.
- Nadiatul Shakinah Abdul Rahman. (2021). Pemaparan elemen emosi berbentuk kinesik sebagai komunikasi bukan lisan watak dalam *Hikayat Putera Jayapati* dan *Hikayat Si Miskin*. *Malay Literature*, 33(2), 43–68. [http://doi.org.10.37052/ml34\(1\)no3](http://doi.org.10.37052/ml34(1)no3).
- Nazmi Yaakub. (2005). Teori Takmilah ke arah pelahiran karya sastera. *Berita Harian*, 17 Mei: 5.
- Nik Azis, N.P. (2012). *Bab Sebelas: Pengembangan Nilai melalui Penulisan Tesis dan Disertasi* (Dokumentasi akademik tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Noor Sarah binti Abu Kassim. (2018). Puisi Endoi sebagai instrumen dakwah untuk pembangunan insan. *Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu (RUMPUN)*, 6(1), 241-276.
- Nor Sahida Mohamad & Sanep Ahmad. (2013). Pembangunan menurut perspektif Islam: Satu analisis awalan. *Prosiding Perkem VIII, Jilid 1, 2013*, hlm. 355-370.
- Nur Ely Sholihati. (2009). *Sombong dan Penyembuhannya dalam Al-Qur'an (Perspektif Bimbingan dan Konseling Islam)* (Skripsi Sarjana Sosial Islam tidak diterbitkan). Fakultas Dakwah, Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga, Yogyakarta.
- Nur Farhana Abdul Rahman, Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, Jaffary Awang, Zul'Azmi Yaakob & Nur Solehah Shapiee. (2020). Memahami agama lain asas toleransi beragama: Tujuan dan syarat dari perspektif pemimpin agama di Malaysia. *Akademika*, 90(2), 165-179.
- Nurul Izzah Che Zaidi & Razaleigh Muhamat @ Kawangit. (2020). Personaliti pendakwah dalam menyantuni masyarakat non-Muslim. *Al-Hikmah*, 12(1), 19-36.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim, Shamsiah Mohamad, Paizah Ismail & Nor Hayati Mohd Dahlal. (2010). Konsep fiqah Malaysia dalam perundangan Islam: Satu pengenalan. *Kajian Malaysia*, 28(2).
- Rahmat Ilyas. (2016). Manusia sebagai khalifah dalam perspektif Islam. *Mawa'izh*, 1(7).
- Ramadhani, F. (2017). *Konsep Syukur Pada Pekerja Tunanetra Pasca Kecelakaan (Studi Fenomenologi Anggota Itmi Di Daerah Istimewa Yogyakarta)* (Skripsi

- Sarjana Psikologi Islam tidak diterbitkan). Fakultas Ushuluddin Adab dan Dakwah, Institut Agama Islam Negeri Tulungagung.
- Rosa, H.T. (2003). *Segenggam Gumam*. PT Syaamil Cipta Media.
- Roshara'madan B Mohd Hashim. (2015). *Pemahaman Murid Tahun Lima Tentang Akhlak* (Tesis Dr. Falsafah tidak diterbitkan). Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Rozak, P. (2017). Indikator Tawadhu dalam Keseharian. *Jurnal Madaniyah*, 1(12), 174-187.
- Rusandi, M. A. & Liza, L. O. (2017). Integrasi Konsep Tawakal Sebagai Alternatif Strategi Konseling. *Prosiding Seminar Nasional Bimbingan dan Konseling 2017*, hlm. 182-196.
- Shafie Abu Bakar. 1997. *Estetika dan Takmilah*. Jabatan Persuratan Melayu FSKK.
- Siti Nur Aafifah Hashim. (2020). Pembangunan modal insan melalui konsep *Tazkiyah al-Nafs*. *Jurnal Maw'izah*, 3(1):17-27.
- Sukino. (2018). Konsep Sabar Dalam Al-Quran dan kontekstualisasinya dalam tujuan hidup manusia melalui pendidikan. *Jurnal RUHAMA*, Vol. 1(1).
- Teme Abdullah. (2016). *Pelukis jalanan*. Iman Publication Sdn. Bhd.
- Teme Abdullah. (2017). *Arkitek jalanan*. Iman Publication Sdn. Bhd.
- Teme Abdullah. (2020). Anugerah. <https://www.temeabdullah.com/p/anugerah.html>. Retrieved 25 February 2021.
- Teme Abdullah. (2020). Kenapa Teme sorok muka? PART 1. <https://www.temeabdullah.com/2020/07/kenapa-teme-sorok-muka-part-1.html>. Retrieved 23 March 2021.
- Teme Abdullah. (2020). Siapa Teme Abdullah? <https://www.temeabdullah.com/p/siapa-teme-abdullah.html>. Retrieved 25 February 2021.
- Tesaurus umum bahasa Melayu*. (1990). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wizārah al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyah al-Kuwait. (1427H). *al-Mausū'ah al-fiqhiyah al-kuwaitiyah*. Dār Safwah.
- Zaharah Hussin, Saedah Siraj, Zai Hazreen Ab Malik, Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Ahmad Arifin Sapar & Nurulrabihah Mat Noh. (2015). Pembangunan akhlak dan moral ke arah masyarakat lestari. *Al-Hikmah*, 7(2), 72-87.
- Zainudin Hashim & Fakhrul Adabi Abdul Kadir. (2014). Agenda hasan al-banna dalam pembangunan insan menerusi penulisan karya Majmu'at al-Rasail. *Al-Hikmah*, 6(2), 29-42.
- Zulfikar, E. (2018). Interpretasi Makna Riya dalam al-Quran: Studi Kritis Perilaku Riya Dalam Kehidupan Sehari-Hari. *Al-Bayan: Jurnal Studi Al-Qur'an dan Tafsir*, 3(2):143-157.

- Zulkiple Abd. Ghani & Nor Salimah Abu Mansor. (2006). Penghayatan agama sebagai asas pembangunan pelajar: analisis terhadap beberapa pandangan al-Imam Al-Ghazali. *In: National Student Development Conference (NASDEC) 2006, 8-9 August 2006, Kuala Lumpur, Malaysia.*
- Zunaidah Zainon. (2006). Sastera Islam berasaskan teori Takmilah. *Utusan Malaysia*, 1 Ogos: 18.
- Zurakintan Abdul Razak & Che Ibrahim Salleh. (2015). Pemikiran Melayu tentang ilmu dan adab dalam puisi Melayu tradisional. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 3(2), 121-129.